

## Terma-terma dan Syarat-syarat 0% Easy Pay CIMB

Perkataan "Kad" bermaksud apa-apa kad kredit yang dikeluarkan oleh CIMB Bank Berhad (13491-P) dan CIMB Islamic Bank Berhad (671380-H) (secara kolektif dirujuk sebagai "**CIMB**" atau "**Bank**") yang layak untuk 0% Easy Pay CIMB seperti yang ditentukan oleh CIMB Bank dari semasa ke semasa. Perkataan "**Pemegang Kad**" bermaksud pemegang kepada Kad yang menyertai 0% Easy Pay CIMB atau EP (ditakrifkan di bawah). Terma-terma dan syarat-syarat ini akan diguna pakai dan dibaca bersama-sama dengan peruntukan yang dinyatakan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB dan jika terdapat ketidakselarasan antara kedua-duanya, terma-terma dan syarat-syarat ini akan mengatasi segala yang tertakluk dalam 0% Pay Easy CIMB atau EP (ditakrifkan di bawah). Semua pengungkapan yang dinyatakan di sini akan mempunyai makna yang sama seperti di dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB kecuali jika konteksnya memerlukan atau sekiranya dinyatakan secara sebaliknya.

"**0% Easy Pay CIMB**" atau "**EP**" bermaksud pelan ansuran bulanan untuk Pemegang Kad yang membolehkan Pemegang Kad membuat pembayaran semula kepada amaun perbelanjaan barangan dan/atau perkhidmatan ("**Pembelian EP**") daripada pedagang-pedagang yang diperakui CIMB Bank dengan pembayaran semula secara ansuran tanpa dikenakan sebarang caj kewangan / caj kemudahan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat ini.

Terma "notis terlebih dahulu" hendaklah mempunyai makna yang ditetapkan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Bank dan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Islamic.

### **Pemegang Kad bersetuju dengan terma-terma dan syarat-syarat apabila pemegang kad memilih 0% Easy Pay CIMB:**

1. EP terbuka kepada semua Pemegang-pemegang Kad utama dan tambahan CIMB (kecuali Pemegang Kad *Platinum Business* CIMB dan Pemegang Kad *Fuel Tanker* CIMB atau mana-mana Pemegang Kad lain yang boleh keculikan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal kepada Pemegang Kad) yang dikeluarkan oleh CIMB.
2. Hanya Pemegang-pemegang Kad yang berada di kedudukan tersedia atau Akaun MasterCard/Kad Visa sahaja tidak mengingkari atau melanggar Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Bank atau Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Islamic layak memohon 0% Easy Pay CIMB atau EP. Untuk mengelakkan keraguan, hanya jumlah tertanggung dalam had kredit asal Pemegang Kad boleh ditukarkan kepada EP. Amaun yang menggunakan sebarang had kredit tambahan yang diluluskan CIMB secara sementara pada ketika pembelian tidak boleh ditukarkan kepada EP.
3. EP hanya boleh digunakan untuk pembelian yang dilakukan oleh Pemegang Kad yang menggunakan Kad ("**Pembelian EP**") di pedagang-pedagang yang diperakui CIMB, yang juga dikenali sebagai "**Pedagang EP**". Untuk mengelakkan keraguan, Pembelian EP mungkin tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang mengawal produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pedagang EP. EP tidak boleh digunakan untuk pendahuluan tunai, tunai kuasi dan urus niaga tunai dengan rebat tunai atau Mata Bonus berganda, pembayaran ansuran di bawah kemudahan pembayaran ansuran lain yang disediakan oleh CIMB atau mana-mana bank atau institusi kewangan lain, dan penyelesaian sebarang yuran tahunan, baki tertunggak atau caj yang dikenakan oleh CIMB di bawah dan/atau selaras dengan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Bank dan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Islamic.
4. Tertakluk kepada kepelbagaian atau perubahan sebagaimana yang ditentukan oleh CIMB dari semasa ke semasa dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad, Pemegang Kad dikehendaki melengkapkan jumlah perbelanjaan minimum yang dikenakan ke atas Kad untuk layak menyertai EP. Perbelanjaan minimum yang diperlukan bagi setiap transaksi pembelian bergantung kepada pengaturan CIMB dengan Pedagang EP.
5. Pembelian EP akan dianggap sebagai penggunaan had kad kredit sedia ada Pemegang Kad di bawah Akaun Pemegang MasterCard dan/atau Akaun Visa. Had kad kredit Pemegang Kad akan dikurangkan dengan jumlah Pembelian EP dan apabila setiap ansuran di bawah EP dibayar oleh Pemegang Kad, jumlah yang sama dengan bayaran ansuran yang dibayar akan dikembalikan kepada had kad kredit asal Pemegang Kad.

6. Pemegang Kad mesti memilih tempoh EP untuk sekurang-kurangnya minimum 3 bulan sehingga tempoh 36 bulan atau tempoh lain yang ditentukan oleh CIMB dari semasa ke semasa ("**Tempoh Ansuran EP**") di bawah 0% Easy Pay CIMB atau EP pada ketika jumlah Pembelian EP mesti dibayar secara ansuran bulanan ("**Ansuran Bulanan EP**"). Pemegang Kad akan mengesahkan dan memastikan ketersediaan EP dan tempoh EP dengan pedagang yang mengambil bahagian sebelum memohon EP untuk mengelakkan keraguan, tempoh EP yang dipilih oleh Pemegang Kad tidak boleh diubah selepas itu.
7. Pemegang Kad boleh menyertai EP lebih daripada satu kali, tertakluk kepada kelayakan Pemegang Kad mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalamnya.
8. Untuk mengelakkan keraguan:
  - a. Pembelian EP adalah tertakluk kepada caj kewangan / caj kemudahan dan caj bayaran lewat mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB.
  - b. Sebarang pemberitahuan mengenai variasi atau perubahan kepada caj kewangan, caj bayaran lewat, jumlah mana-mana Ansuran Bulanan EP atau nombor dan amaun Ansuran Bulanan EP yang belum dijelaskan dengan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad akan digunakan Pemegang Kad.
9. Ansuran Bulanan EP dikira daripada jumlah Pembelian EP dibahagikan dengan bilangan bulan dalam Tempoh Ansuran EP. Setiap Ansuran Bulanan EP akan dianggap sebagai transaksi pembelian biasa pada Akaun Pemegang MasterCard dan/atau Akaun Kad Visa dan dinyatakan semula dalam Penyata Akaun bulanan Pemegang Kad pada bulan berikutnya selepas pembelian tersebut dan dalam setiap Penyata Akaun bulanan berikutnya sehingga semua Ansuran Bulanan EP untuk setiap Pembelian EP yang telah dibayar balik dengan sepenuhnya.
10. Ansuran Bulanan EP merupakan sebahagian daripada tempoh akhir bayaran minimum Pemegang Kad yang perlu dibayar dan dinyatakan dalam Penyata Pemegang Kad. Dalam hal ini:
  - i) 0% Easy Pay CIMB adalah pelan pembayaran semula bulanan 'zero faedah/ caj kemudahan'. Ansuran Bulanan EP ditentukan pada masa 0% Easy Pay CIMB dimasukkan, yang biasanya pada masa pembelian, atau seperti yang dinyatakan dalam Penyata Pemegang Kad, dan apabila Penyata dikeluarkan, Pemegang Kad boleh membuat pembayaran penuh dengan baki tertunggak yang tertera pada Penyata seperti yang ditentukan CIMB atau bayaran minimum yang perlu dibayar, pada atau sebelum tarikh tamat pembayaran.
  - ii) % Easy Pay CIMB adalah pelan tanpa faedah / caj kemudahan hanya jika Pemegang Kad sudah melunaskan baki tertunggak sepenuhnya atau sebelum tarikh akhir bayaran seperti yang dinyatakan pada Penyata; Sekiranya Pemegang Kad tidak melunaskan sepenuhnya mana-mana Ansuran Bulanan EP yang tertentu dan apabila ansuran bulanan tersebut telah tamat tempoh, Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas caj kewangan / caj kemudahan pada baki tertunggak mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Bank dan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Islamic.
  - iii) Adalah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Bank dan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Islamic, Pemegang Kad boleh memilih untuk tidak melunaskan Baki Baru sepenuhnya yang mana Pemegang Kad mesti, pada atau sebelum tarikh tamat pembayaran yang dinyatakan dalam Penyata tersebut, membayar tidak kurang daripada pembayaran minimum yang dikira pada 5 % dari Baki Baru atau RM50.00 yang mana lebih tinggi.
  - iv) Sebarang baki tidak berbayar yang timbul daripada Pembelian EP, pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan/atau pendahuluan tunai pada Tarikh Tamat Tempoh hendaklah tertakluk kepada caj kewangan / caj kemudahan sehingga pembayaran penuh baki tertunggak mengikut Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Bank dan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Islamic.

- v) Caj kewangan / caj kemudahan akan dikenakan ke atas baki yang masih tertunggak di dalam Akaun Pemegang Kad MasterCard dan/atau Kad Visa dari tarikh penyata bulanan yang timbul daripada Pembelian EP, pembelian barangan dan/atau perkhidmatan dan/atau pendahuluan tunai, yang hendaklah dikira atas dasar baki harian.
11. Pembayaran akan diperlukan untuk menyelesaikan baki (iaitu butiran yang terdapat dalam Penyata) yang mempunyai faedah / caj kemudahan paling tinggi terlebih dahulu.
12. Semasa Tempoh Ansuran EP, jika CIMB diminta untuk mengenakan kos tambahan untuk mengekalkan EP disebabkan oleh apa-apa perubahan dalam undang-undang atau peraturan-peraturan yang mengakibatkan kenaikan cukai baru atau tambahan, keperluan rizab yang lebih tinggi atau aset yang sama atau (b) perubahan ketara dalam keadaan kewangan atau persekitaran ekonomi atau (c) atas sebarang sebab lain di luar kawalan CIMB, Pemegang Kad bersetuju untuk menanggung kos tambahan untuk mengekalkan 0% Easy Pay CIMB atau EP. CIMB tidak boleh dibatalkan keizinan untuk mendebit Akaun Pemegang MasterCard dan/atau Kad Visa untuk kos tambahan dengan menyesuaikan Ansuran Bulanan EP sebelum tamat Tempoh Ansuran EP dengan sewajarnya.
13. Tanpa prejudis kepada yang dinyatakan sebelum ini sekiranya Pemegang Kad melanggar Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Bank dan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Islamic atau Terma-terma dan Syarat-syarat ini atau sekiranya berlaku pembatalan Kad atau penamatan Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa atau penutupan Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa atas sebab apa pun, semua hutang wang di bawah 0% Easy Pay CIMB atau EP yang terdiri daripada jumlah Ansuran Bulanan EP yang belum dijelaskan dan jumlah prinsipal belum dibiayai 0% Easy Pay CIMB atau EP bersama-sama dengan caj kewangan / caj kemudahan yang dikenakan dan baki wang lain yang terhutang di bawah 0% Easy Pay CIMB atau EP akan segera dikira dan perlu dijelaskan oleh Pemegang Kad dan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh CIMB, jumlah tersebut akan didebitkan ke dalam Akaun Kad di mana Terma-terma dan Syarat-syarat Kad Bank CIMB Bank dan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Islamic akan diguna pakai kepada semua ansuran atau baki yang tertinggal tanpa prejudis kepada hak dan remedi CIMB di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Kad CIMB Bank dan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Islamic .
14. 0% Easy Pay CIMB atau EP hanya sah sehingga Tempoh Ansuran EP atau mana-mana tarikh lanjutan lain yang dibolehkan CIMB, sebagaimana yang dipertimbangkan sesuai oleh CIMB.
15. CIMB mempunyai hak untuk meminda, mempelbagai, menambah, menggugur dan/atau mengubah mana-mana terma-terma dan syarat-syarat di sini pada bila-bila masa dari semasa ke semasa dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalender terlebih dahulu dengan menyiarkan di laman web CIMB di alamat [www.cimbbank.com.my](http://www.cimbbank.com.my) atau [www.cimbislamic.com.my](http://www.cimbislamic.com.my) ("Laman web"), atau dalam apa jua cara yang dianggap sesuai oleh CIMB dan akan berkuat kuasa pada tarikh yang dipilih oleh CIMB untuk diterima pakai. Pemegang Kad bersetuju untuk mengakses Laman Web pada setiap masa untuk mendapatkan terma dan syarat demi memastikan mereka sentiasa dikemas kini dengan apa jua perubahan Terma-terma dan Syarat-syarat ini.
16. CIMB juga mempunyai hak untuk menggantung, menggantikan keseluruhan bahagian 0% Easy Pay CIMB atau EP dengan skim lain, sama ada ia mempunyai persamaan atau tidak, dan/atau untuk menarik semula 0% Easy Pay CIMB atau EP sekaligus dengan memberi notis terlebih dahulu kepada Pemegang-pemegang Kad.
17. Perkara-perkara berikut akan dianggap gagal sekiranya:-
- i) Pemegang Kad melanggar mana-mana kewajipan yang dinyatakan di sini atau di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Bank dan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Islamic.
  - ii) gagal membuat pembayaran caj kewangan / caj kemudahan dan/atau Ansuran Bulanan EP atau apa-apa jumlah wang yang perlu dibayar di bawahnya atau di bawah Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa;
  - iii) jika pelan EP akan ditamatkan;

- iv) terma-terma dan syarat-syarat di dalam ini atau mana-mana bahagian di sini untuk apa-apa sebab terhenti kerana penguatkuasaan dan berkesan sepenuhnya atau sah atau hendaklah diisytiharkan tidak sah, ditolak atau hilang kemampuan;
- v) menjadi mustahil atau menyalahi undang-undang bagi CIMB untuk menyediakan atau meneruskan pelan EP kepada Pemegang Kad;
- vi) berlaku apa-apa keadaan dalam apa jua bentuk yang menurut pendapat CIMB mungkin menyebabkan CIMB Bank tidak dapat menyediakan atau meneruskan pelan EP kepada Pemegang Kad; dan/atau;
- vii) Kad dibatalkan atau Akaun MasterCard dan/atau Kad Visa ditamatkan.

Apabila berlakunya kemungkarman mana-mana kejadian yang dinyatakan di atas, CIMB mempunyai hak untuk menarik balik atau menangguhkan kemudahan EP dan menuntut pembayaran untuk semua atau mana-mana bahagian caj kewangan yang belum dijelaskan dan/atau Ansuran Bulanan EP dan semua wang yang tertunggak di bawahnya, dan CIMB mempunyai hak untuk melaksanakan remedi di bawah Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Bank dan Terma-terma dan Syarat-syarat Pemegang Kad CIMB Islamic.

18. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas pemegang Kad atau mana-mana pihak untuk sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami oleh Pemegang Kad akibat kejadian alam semesta (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak), yang timbul, berkenaan atau sebaliknya yang berpunca daripada penggantungan, penggantian dan/atau pengeluaran 0% Easy pay CIMB atau EP melainkan ianya adalah disebabkan oleh kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja CIMB (bukan disebabkan oleh pematuhan sebarang peraturan atau perintah mahkamah).
19. Untuk mengelakkan sebarang keraguan:
  - i) Tiada apa-apa yang dinyatakan di sini akan dianggap sebagai syarat patuh kepada CIMB untuk melanjutkan 0% Easy Pay CIMB atau EP;
  - ii) Pemegang Kad adalah dipertanggungjawabkan untuk menyelesaikan semua pertikaian atau perbezaan pada kualiti, kuantiti atau kesesuaian untuk sebarang tujuan Pembelian EP Pemegang Kad secara langsung dengan Peniaga EP. CIMB tidak akan bertanggungjawab ke atas apa-apa kekurangan, kecacatan atau kerosakan barangan atau sebarang pertikaian lain di antara Pedagang EP dan Pemegang Kad. Tanpa mengira kewujudan atau apa-apa pertikaian di sebaliknya, Pemegang Kad tidak boleh memberi kuasa mengubah kepada CIMB untuk mendebit dan mengenakan caj Ansuran Bulanan EP dan apa-apa wang, yuran dan caj yang perlu dibayar kepada Pemegang Kad MasterCard dan/atau Kad Visa; dan
  - iii) CIMB tidak akan bertanggungjawab dan menafikan segala tanggungan terhadap apa sahaja tindakan, tuntutan, ganti rugi, kos, caj dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Pemegang Kad, mengekalkan atau menanggung penyertaan Pemegang Kad dalam 0% Easy Pay CIMB atau EP.
20. Sebarang terma dan syarat yang digunakan di sini yang menyalahi undang-undang, dilarang atau tidak boleh dikuat kuasakan di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan adalah tidak efektif setakat mana ia disalahgunakan, kekosongan, larangan atau tidak boleh dikuat kuasakan tanpa membatalkan baki peruntukan.
21. Untuk sebarang maklum balas dan/atau aduan berkaitan 0% Easy Pay CIMB atau EP, Pemegang Kad boleh menghubungi Unit Resolusi Pelanggan CIMB di alamat, nombor telefon dan alamat emal berikut (ataupun di mana-mana alamat, nombor telefon dan alamat emal seperti mana yang dipinda oleh CIMB secara notifikasi kepada Pemegang Kad): CIMB Bank Berhad / CIMB Islamic Bank Berhad, Unit Resolusi Pelanggan (CRU), P.O. Box 10338, GPO Kuala Lumpur, 50710 Wilayah Persekutuan / Tel: 603 6204 7788 / Emal: [cru@cimb.com](mailto:cru@cimb.com).